

KERJASAMA SUKAN

^{Pencak silat} **K**ERJASAMA di kalangan pertubuhan-pertubuhan sukan negara-negara Asean tidak kurang penting dalam usaha untuk memupuk semangat itu. Malah kerjasama dalam bentuk inilah yang sangat digalakkan dan ia mencerminkan betapa kukuhnya pertalian di antara negara-negara anggota pertubuhan tersebut. Dalam hubungan ini usaha Persekutuan Silat Singapura, Persisi, dan badan silat Indonesia untuk menubuhkan sebuah Federasi International Pencak Silat dan Bela Diri, adalah satu rancangan yang harus dipuji. Menurut rancangan Malaysia akan diajak sama menjayakan rancangan tersebut.

Usaha seumpama itu tidak syak lagi akan dapat meningkatkan sukan itu ke taraf antarabangsa dan dengan sendirinya secara beransur-ansur mutu permainan juga dapat ditinggikan. Di samping itu dengan usaha yang lebih giat pencak silat mungkin dapat diterima sebagai sejenis dari acara sukan dalam pertandingan antarabangsa. **27 JUN 1977**

Pengiktirafan seperti inilah yang mungkin menjadi matlamat Persisi dan federasi itu. Dan sama seperti sepak-takraw, dengan taraf permainan yang diakui di bidang antarabangsa, usaha-usaha mengembangkan pencak silat di kalangan orang-orang bukan Melayu akan menjadi lebih mudah lagi.

Hendaknya usaha Persisi itu dan juga persatuan silat Indonesia akan mencapai matlamatnya. Dengan ini satu lagi bidang kerjasama di kalangan negara-negara Asean dapat dimeterai, sedang kerjasama di lain-lain bidang terus dipergiatkan lagi.

PERANAN PERSISI

SERUAN yang dibuat oleh Haji Ya'acob Mohamed, Menteri Negara (Pejabat Perdana Menteri), agar semua badan seni silat di sini menggabungkan diri dengan Persekutuan Silat Singapura, (Persisi) haruslah disambut baik. Persisi yang didukung oleh lebih tujuh buah badan sekarang ini mempunyai matlamat untuk meningkatkan lagi taraf seni silat Melayu dan berusaha hendak menyamakan, jika tidak meninggikan lagi, kedudukannya berbanding dengan lain-lain cabang seni mempertahankan diri yang telah mendapat sambutan dari semua kaum dan diiktiraf di bidang antarabangsa pula.

Apakah yang menghalang badan-badan yang bergiat itu dari bergabung dengan Persisi? Adakah mereka mempunyai prasangka terhadap rancangan Persisi padahal telah dijelaskan berulang kali bahawa ia tetap akan memelihara kesucian dan kemurniaan seni silat itu. **28 SEP 1977**

Dengan menjadi kerabat Persisi, badan-badan kecil itu masih boleh menjalankan kegiatan mereka. Malah mereka akan dapat menikmati kemudahan seperti instruktur yang terlatih dan berijazah untuk mengajar berbagai cabang seni itu. Dengan tampil ke depan pakar-pakar silat akan dapat membantu mempelbagaikan lagi cabang seni mempertahankan diri itu. Hanya dengan menyatukan tenaga terhad yang ada barulah matlamat Persisi untuk mempopularkan lagi seni silat di kalangan masyarakat Melayu dan bukan Melayu dapat dicapai.

Berita Minggu

AHAD, 29 JANUARI 1978

MEMPERLUASKAN SENI SILAT

^{Pencak silat} **P**ERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) telah mengambil satu langkah berani dan bijak dengan usahanya untuk menarik orang-orang bukan Melayu bagi mempelajari silat sebagai satu kegiatan sukan.

Setakat ini belum ada sebuahpun persatuan seni mempertahankan diri Melayu di sini yang membukakan pintunya kepada orang-orang bukan Melayu untuk mengajar seni silat yang mempunyai berbagai corak itu sebagai satu jenis sukan.

Menerusi langkah ini, Persisi telah memberi warna kebangsaan kepada seni mempertahankan diri yang berasal dari masyarakat Melayu. Dan mudah-mudahan langkah tersebut bukan saja akan menjadikan seni silat Melayu bukan saja dikenal dan dipelajari oleh orang-orang bukan Melayu di Singapura, tetapi juga akan tersibar di merata dunia.

Pada masa ini ada beberapa jenis seni mempertahankan diri yang berasal dari sesuatu bangsa yang ternyata menjadi begitu popular di merata dunia. Yang paling nyata ialah seni mempertahankan diri seperti judo, karate dan taekwon-do yang berasal dari Jepun dan Korea, tetapi dikenali dan dipelajari oleh bangsa-bangsa lain di dunia.

Walaupun masih terlalu awal bagi seni silat Melayu menjadi popular seperti seni-seni mempertahankan diri itu, tetapi masanya tidak terlalu awal pula untuk memulakan usaha memperkenalkan seni silat kepada bangsa-bangsa lain, seperti yang telah dirintis oleh Persisi.

Menerusi langkahnya itu Persisi dapat memberikan gambaran yang sebenar mengenai corak kehidupan berbilang bangsa di sini di mana setiap kaum yang ada mesra bercampur ataupun bebas mengamalkan cara hidup antara satu sama lain.

Menerusi langkah yang sama, ia juga dapat menghapuskan sebarang kepercayaan mengenai bahawa sesuatu jenis seni mempertahankan diri yang berasal dari sesuatu kaum atau bangsa, tidak harus diajarkan kepada kaum atau bangsa yang lain, yang mungkin merupakan pendapat setengah-setengah pihak di sini.

Langkah Persisi ini hendaknya hanya merupakan langkah permulaan dalam usaha memperkenalkan lain-lain jenis sukan yang berasal dari masyarakat Melayu kepada masyarakat lain. Satu lagi jenis sukan yang harus digalak supaya dipelajari oleh kaum yang lain ialah sepak-takraw. Mungkin Perses pula dapat memainkan peranan dalam hal ini.